

Pembangunan di Segala Lapangan Dalam Negara Saudi Arabiah



al-Malik Sa'ūd al-Mu'azzam


Negara Saudi Arabiah, yang mengandungi Tanah Suci Makkah al-Mukarramah dan Madinah al-Munawwarah, selain daripada al-Riyadh dan bandar pelabuhan Jeddah yang menjadi tumpuan orang-orang haji dari seluruh dunia pada tiap-tiap tahun, telah dibina dan diperindahkan dan telah mengalami kemajuan yang cemerlang dalam zaman pemerintahan al-Malik Sa'ūd al-Mu'azzam.


Beratus-ratus juta riyal telah dibelanjakan kerana membesarkan Masjidil Haram di Mekah dan Masjid Nabi di Madinah supaya dapat menampung umat Islam dari seluruh dunia yang sentiasa membanjiri Tanah Suci itu pada tiap-tiap musim haji.

Kerajaan Saudi Arabiah telah mencurahkan berjuta-juta riyal untuk kesihatan rakyatnya dan orang-orang haji seluruhnya. Demikian juga tentang keamanan di sepanjang perjalanan di sana tetap terjamin, dan ini sudah masyhur diketahui di seluruh dunia.

Dalam lapangan pelajaran, kerajaan Saudi Arabiah, sentiasa menghantarkan pelajar-pelajar keluar negeri dari kalangan rakyatnya yang terdiri dari berbagai-bagai suku bangsa dan keturunan.

Gambar atas: Menunjukkan al-Malik Sa'ūd sedang meletakkan bingkai perak yang mengikat "Hajar al-Aswād". Manakala gambar bawah: Baginda sedang menerima tetamu dari Republik Arab Bersatu di istana baginda di Jeddah.





Umat Islam sedang khusyuk sembahyang berkiblatkan Baitullah “al-Ka‘abah al-Mu‘azzamah” dari segala arah dan penjuru. Gambar menunjukkan tembok baharu yang telah didirikan setelah berpuluh-puluh rumah di sekeliling Masjidil Haram itu diruntuhkan. Kerajaan Saudi Arabiah telah mengeluarkan beratus-ratus juta riyal untuk perbelanjaan itu termasuk wang ganti rugi kepada tuan punya tanah dan rumah-rumah yang telah diruntuhkan itu.

Gambar bawah kanan: Suatu pemandangan di serambi Masjidil Haram Mekah yang telah dibina dengan indahnya. Manakala gambar kiri menunjukkan sebuah bangunan moden dalam “bandar orang-orang haji” di Jeddah. Beratus-ratus buah rumah moden seperti ini dijadikan rumah tumpangan orang-orang haji di bandar itu, sebaik-baik sahaja mereka turun dari kapal haji.

